

Kejar ilmu bekalan akhirat

» Finalis Da'i musim ketiga bukan memburu habuan lumayan apabila bersaing di pentas final Ahad ini



Pengacara, Rosyam Nor bersama peserta separuh akhir Da'i.

Oleh Serimah Mohd Sallehuddin serimah@bh.com.my

Saat ini, hanya debaran kencang yang dirasakan di dada masing-masing. Perasaan itu pula bukanlah kerana ketigatangan ingin merebut hadiah lumayan disediakan penganjur, sebaliknya tiga finalis Da'i Pendakwah Milenia musim ketiga ini membang ilmu yang dicurahkan oleh tenaga pengajar dan pembimbing yang bertungkus lumus memberikan tunjuk ajar selama 10 minggu dalam program realiti terbabit tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka.

Bagi Da'i Hidayu, Da'i Hamidah dan Da'i Fuad, bukan wang ringgit yang ingin dikejar, sebaliknya ilmu berguria untuk diamalkan dalam kehidupan seharian, selain menjadi bekalan akhirat.

Kagumi Kazim Elias Tidak berpakat, namun ketigatangan juga nyata mempunyai pandangan sama yang ikhlas dan jujur apabila bercerita mengenai dakwah. "Dalam dakwah, tiada menang



Kazim Elias

INFO

Da'i musim ketiga:

© Program yang sudah memasuki musim ketiga ini akan melabuhkan tirainya Ahad ini, di Sri Pentas 2, Shah Alam. **Rancangan akhir boleh disaksikan secara langsung menerusi TV3, jam 9 malam.** © **Juara Pendakwah Milenia akan membawa pulang wang tunai RM50,000,** pakej umrah, trofi, saham Perbadanan Nasional Berhad (PNB) bernilai RM5,000 dan pengalaman bekerjasama dengan Media Prima Berhad.

mahupun kalah. Istimewanya program ini, kami diajar oleh guru supaya tidak bersaing. Sebaliknya, peserta digalakkan sentiasa berbilang atau mencari idea bersama-sama dalam setiap tugas yang diberikan.

"Alhamdulillah, hampir tiga bulan berada dalam program ini, terlalu banyak ilmu yang saya pelajari, tidak kira daripada tenaga pengajar mahupun juri. Tugas berdakwah lebih-lebih lagi di depan kaca televisyen bukanlah mudah. Namun, saya beruntung kerana mendapat tunjuk ajar daripada pendakwah hebat seperti Datuk Kazim Elias. Ilmu dan kemahiran dakwahnya cukup hebat. Bukan semua orang boleh melakukan sedemikian," kata Fuad atau Ahmad Fuad Mohamad Mokhtar yang juga pelajar dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Sambung pengajian selepas tamat program Ekoran ingin menimba ilmu, anak muda berusia 20 tahun berasal dari Selangor ini enggan melepaskan tawaran menyertai Da' i walaupun terpaksa mendapatkan kebenaran daripada pihak universiti untuk ber-cuti. Beliau akan kembali menyambung pengajiannya sebaik saja pro-

© **Da'i Fuad**
Nama: Ahmad Fuad Mohamad Mokhtar
Umur: 20 Tahun
Asal: Selangor
Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Dakwah Dan Pengurusan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



gram ini berakhir. Biarpun sibuk dengan tugas dalam Da' i, Fuad bagaimana-pun tidak seekali mengabaikan tanggungjawabnya sebagai pelajar. Kesibukan, katanya, tidak pernah menghalang dirinya untuk mendapatkan nota daripada rakan sekelas. Ditanya peluangnya untuk menjadi juara, sekali gus merebut hadiah wang tunai bernilai RM50,000, pemuda ini selkhas hati mengakui beliau tidak mengejar habuan disediakan.

"Dalam program realiti, pelbagai perkara boleh berlaku. Saya hanya mampu mencuba yang terbaik. Seandainya nasib tidak berpihak kepada saya, ia tetap diterima. Saya hanya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada TV3 kerana menyediakan medan yang amat baik ini, khususnya bagi golongan siswa seperti

saya," katanya.

Ingin tambah pendakwah wanita

Sering kali meraih markah tinggi tidak pernah membuat seorang lagi finalis, Hamidah Abdul Razak, 23, mendabik dada. Selain banyak membaca kitab sebagai persediaan untuk berjuang di pentas final Ahad ini, beliau yang berasal dari Kedah mengakui banyak muhasabah diri supaya tidak timbul sifat riak dalam diri.

Bekas pelajar sekolah pondok yang kini menyambung pengajian di USIM dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama itu mengaku, beliau memang bercita-cita untuk menjadi pendakwah wanita.

Katanya, bidang dakwah di negara ini dikuasai ramai pendakwah lelaki. Faktor itu membuatkan beliau terpenggil untuk menghadiri uji bakat program Da' i.

"Ada kalanya penonton, khususnya golongan wanita, mempunyai pelbagai soalan yang ingin diajukan kepada penceramah. Bagaimanapun, mereka malu atas faktor perbezaan jantina. Perkara itulah yang membuatkan saya terpenggil menyertai rancangan ini agar dapat menimba ilmu dan seterusnya berkongsi dengan orang lain.

"Sebelum ini, selama hampir dua tahun saya mengajar banduan di penjara di Pokok Sena, Kedah. Begitupun, pengalaman berkenaan tidaklah seberapa berbanding ilmu yang saya kutip daripada guru yang berpengalaman sepanjang hampir tiga bulan berada dalam program ini.

"Saya juga tidak meletakkan harapan tinggi untuk menjadi juara, sebaliknya hanya berharap ilmu yang saya sampaikan selama ini dalam program Da' i bermanfaat untuk diri sendiri dan penonton di luar sana," kata Hamidah.

Niat awal ditentang suami

Sementara itu, Nur Hidayu Mohd Kamil, 23, pula mendedahkan, beliau sebenarnya mendapat tentangan daripada suami sewaktu memaklumkan ingin menyertai program terbabit.

Bagaimanapun, selepas penjelasan sebaiknya, disertai prestasi memberangsangkan saban minggu hingga berjaya melangkah ke final, kini perjuangannya mendapat sokongan.

Tidak menyangka sama sekali perjalanannya dalam Da' i membawanya melangkah sejauh itu, ibu kepada seorang cahaya mata berusia tiga tahun ini berkata, beliau akan mengambil berat setiap teguran daripada juri terhadap persembahan



© **Da'i Hidayu**
Nama: Nur Hidayu Mohd Kamil
Umur: 23 Tahun
Asal: Selangor
Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Psikologi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

mingguannya bagi memantapkan lagi kemunculannya di pentas akhir. Pada masa sama, finalis ini turut memperbanyakkan bacaan sebagai persediaan.

Hidayu yang masih menuntut di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berkata, pengorbanan yang terpaksa dilakukan apabila berjauhan dengan suami dan anak ternyata berbaloi apabila berjaya menempah tiket ke peringkat akhir.

"Suami pada mulanya tidak menyokong keputusan untuk menyertai program ini. Saya sendiri pada mulanya tidak mengesyorkan Da' i akan berlangsung begitu lama, malah pesertanya perlu dikuarantin. Apabila saya memaklumkan perkara itu kepadanya, suami menyarankan saya supaya menarik diri. Bagaimanapun, surat perjanjian sudah ditandatangani. Jadi hendak atau tidak, saya terpaksa juga menyertai program ini.

"Alhamdulillah, dari minggu ke minggu, saya lihat suami sudah boleh menerima kenyataan. Malah, beliau kini antara penyokong kuat saya. Beliau akan datang memberikan sokongannya saban minggu, walaupun bukan giliran peserta wanita," katanya yang berasal dari Selangor ini.

Mula dapat tawaran ceramah

Menurut Hidayu, beliau menyertai program terbabit bukan untuk mengejar glamor atau kemasyhuran.

"Sebaliknya, saya hanya mahu menimba ilmu. Alhamdulillah, saya sudah mula nampak perubahan dalam diri. Saya kini menjadi lebih yakin untuk bercakap di hadapan khalayak.

"Saya juga tidak menyangka, dengan menyertai program ini, rezeki juga datang tanpa disangka. Ada pihak yang mula mengundang untuk berceramah di pusat-pusat pengajian tinggi. Bukan saya saja, malah peserta lain juga khabarnya sudah mendapat tawaran serupa," katanya yang mengakui beroleh kepuasan apabila dapat berkongsi ilmu dengan masyarakat.